

SRIWIJAYA FOUNDATION MEMBANTU PENGAMBILAN PELAJAR INDONESIA DI UniMAP

2 Jan 08 Reputasi UniMAP sebagai sebuah universiti kejuruteraan yang semakin kukuh kedudukannya telah menarik minat Yayasan Sriwijaya, Indonesia yang telah menyatakan hasrat untuk menghantar 10 orang pelajar cemerlangnya daripada Indonesia untuk belajar di UniMAP pada sesi akademik Julai 2008 ini. Hasrat ini telah dinyatakan oleh pengerusi Sriwijaya Foundation, Indonesia, Bapak H.Surya Burhanuddin.

Setakat ini, yayasan tersebut telah menghantar lebih kurang 200 orang pelajar Indonesia yang cemerlang untuk belajar di universiti- universiti di Malaysia sejak tahun 1996 lagi. Objektif yayasan ini adalah mengenalpasti universiti-universiti di Malaysia yang dapat menawarkan program pengajian yang terbaik untuk pelajar- pelajar Indonesia yang kompeten yang mungkin tidak sedar dengan kehadiran universiti- universiti ini.



Di samping itu juga, Yayasan Sriwijaya turut menaja pelajar-pelajar yang datangnya daripada keluarga miskin. Kejayaan Sriwijaya dalam proses ini setakat ini amat memberangsangkan.

“ Kami percaya UniMAP mampu menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif supaya pelajar kami dapat buat yang terbaik dalam bidang akademik “ kata Pak Surya kepada Naib Canselor, Profesor Dato Dr Kamarudin pagi ini di pejabat Dato' Kamarudin. Pak Surya diiringi oleh Prof Madya Dr Mustaffar Ishak daripada UUM.

